



PEKELILING KEWANGAN BIL 10/2015

Ketua-Ketua Jabatan
Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN TENTANG PERATURAN KERJA LEBIH MASA KAKITANGAN PUSAT PERUBATAN UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Berikut adalah Peraturan Kerja Lebih Masa Kakitangan PPUKM untuk makluman semula kakitangan di jabatan Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan:-

- i. Setiap kelulusan tuntutan melebihi daripada 1/3 gaji adalah di bawah bidang kuasa Ketua Jabatan Kewangan. **(Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 1984)**
- ii. Kelulusan tuntutan elaun kerja lebih masa diberikan sehingga 1/3 gaji sahaja. **[Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/77 (Lampiran D)]**
- iii. Tuntutan elaun kerja lebih masa yang melebihi daripada 1/3 gaji hendaklah disertakan dengan surat penjelasan dari Ketua Jabatan. **[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 21/77 (dinyatakan semula dalam Peraturan Kewangan Kerja Lebih Masa para 1.2 (vii)(d))]**
- iv. Kelulusan tuntutan elaun kerja lebih masa pemandu, pengawal keselamatan, kakitangan makmal, kakitangan farmasi, kakitangan x-ray, kakitangan endoskopi dan kakitangan kaunter kecemasan boleh dipertimbangkan sehingga 2/3 gaji sahaja **(Peraturan baharu berkuatkuasa tuntutan bulan Januari 2015)**
- v. Permohonan tuntutan yang melebihi daripada 2/3 gaji tidak akan dipertimbangkan **(Peraturan baharu berkuatkuasa tuntutan bulan Januari 2015)**
- vi. Sekiranya tuntutan yang diluluskan oleh Jabatan Kewangan kurang daripada jumlah yang dipohon, baki jam tuntutan tidak boleh ditukar kepada cuti tanpa rekod selaras dengan peraturan JPA. **(Perkara 40 Perintah Am Bab C)**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Perubatan UKM

UKM Medical Centre

- vii. Kerja lebih masa berbentuk "standby" di rumah tidak layak dituntut kerana tidak dinyatakan dalam garis panduan JPA. **[Perkara 16(a), 16(b) dan 18, Perintah Am Bab G]**
- viii. Kerja lebih masa hendaklah dibuat berdasarkan arahan kerja dari Ketua Jabatan/Unit atau penyelia di jabatan masing-masing. **(Perkara 17 Perintah Am Bab G)**
- ix. Tuntutan elaun perjalanan untuk hadir melakukan kerja lebih masa di PPUKM tidak akan dibayar. **[Perkara 20 Perintah Am Bab G, (dinyatakan semula dalam Peraturan Kewangan Kerja Lebih Masa para 1.3 (v))]**
- x. Tuntutan elaun kerja lebih masa, elaun perjalanan, elaun makan/harian, elaun hotel/lodging, elaun malbatt dan lain-lain yang melibatkan aktiviti Fakulti Perubatan UKM hendaklah dibuat menggunakan borang tuntutan yang berasingan dan dikemukakan kepada Unit Gaji & Elaun, Jabatan Kewangan. Tuntutan ini akan dibayar dahulu oleh Jabatan Kewangan, PPUKM sebelum diinvoiskan kepada UKM kerana melibatkan peruntukan Fakulti Perubatan UKM.
- xi. Borang tuntutan elaun kerja lebih masa hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan atau pemangku Ketua Jabatan sekiranya Ketua Jabatan tiada. **(Peraturan Kewangan Kerja Lebih Masa para 1.3 (ii))**

Sukacita peraturan ini dapat dimaklumkan kepada semua kakitangan di jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RABIAH BINTI HJ. ARHAM

Ketua

Jabatan Kewangan

s.k - Dekan Fakulti Perubatan & Pengarah PPUKM
- Fail Edaran

Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latiff,

Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur

Telefon: +603-9145 5239/5199/5200/5201/5202/5203/5204 Faksimili: +603-9145 5186

Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>